

## **POLITIK BIROKRASI SEMASA PELAKSANAAN DASAR PERUMAHAN NEGARA (DRN) TERHADAP PROJEK PEMAJUAN PERUMAHAN KERAJAAN**

### **BUREAUCRATIC POLITICS (BP) DURING THE IMPLEMENTATION OF NATIONAL HOUSING POLICY (NHP) ON GOVERNMENT'S DEVELOPMENT PROJECT**

**Zarina Bt Mohd Zain<sup>1</sup>, Ku Hasnita Bt Ku Samsu<sup>2</sup>, Zatul Himmah Bt Adnan<sup>3</sup> & Mohd  
Mahadee B Ismail<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, UiTM Negeri Sembilan

<sup>2,3,4</sup>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor  
[mohdzain\\_zarina@yahoo.com](mailto:mohdzain_zarina@yahoo.com)

**Accepted date:** 30 January 2018

**Published date:** 15 July 2018

#### **To cite this document:**

Zain, Z. M., Samsu, K. H. K., Adnan, Z. H., & Ismail, M. M. (2018). Politik Birokrasi Semasa Pelaksanaan Dasar Perumahan Negara (Drn) Terhadap Projek Pemasukan Perumahan Kerajaan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 95-108.

---

**Abstrak:** *Politik sering mempengaruhi sistem pentadbiran terutama apabila melibatkan pelaksanaan dasar serta program- program kerajaan. Ini dapat dilihat dengan jelas pada sektor perumahan di mana kerap berlakunya campurtangan dari ahli serta parti politik dalam urusan pentadbiran yang akhirnya menjejaskan keberkesanan pelaksanaan sesebuah projek perumahan. Akibatnya berlaku masalah berkaitan projek perumahan lewat dimajukan, projek terbengkalai serta projek sakit yang dilaporkan setiap tahun mengakibatkan rakyat menerima kesan secara langsung daripada masalah ini sehingga tidak mampu untuk memiliki rumah yang diidamkan. Kajian sektor perumahan banyak tertumpu kepada mengenalpasti faktor serta kesan berlakunya projek- projek perumahan yang bermasalah namun belum ada kajian yang dilakukan terhadap keberkesanan proses awal yakni melibatkan proses kelulusan oleh pihak berkuasa untuk memulakan projek pemsjukan perumahan. Kegagalan inilah yang telah menyumbang kepada isu perumahan yang berlaku kini. Benarkah wujudnya campurtangan politik dalam pentadbiran proses kelulusan dan pemsjukan yang dipanggil 'politik birokrasi' semasa peringkat awal ini yang menyumbang kepada isu perumahan negara? Justeru, penulisan ini berfokus kepada penilaian terhadap proses awal pemsjukan projek perumahan dalam melaksana Dasar Perumahan Negara (DRN) bagi memastikan setiap projek perumahan terlaksana dengan jayanya. Objektif utama kertas kajian konsepsual ini adalah untuk mengenalpasti punca kepada berlakunya campurtangan atau pengaruh politik birokrasi dan menilai elemen atau ciri yang membentuk kepada situasi politik birokrasi semasa pelaksanaan dasar perumahan melalui projek pemsjukan perumahan yang dijalankan. Kertas konsep ini*

*ditulis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan sorotan kajian lepas menggunakan data dari sumber sekunder iaitu melalui carian perpustakaan, analisis jurnal dan artikel dengan merujuk kepada beberapa model politik birokrasi dan pelaksanaan dasar yang digunakan oleh pengkaji terdahulu.*

**Kata Kunci:** *Politik Birokrasi, Dasar Perumahan Negara (DRN) dan Sektor Pemajuan Perumahan.*

**Abstract:** *The existence of political elements in administrations or known 'bureaucratic politics (BP)' always be the barriers for effective implementation. This study aims to assess the causes lead to BP and the elements of BP that happened during the process of developing Government's housing projects. The concept paper was written using analytical content analysis method using secondary data sources through library search, journal analysis and articles with reference to several bureaucratic political and policy implementation models used by previous researchers. Based on literatures, there were five elements contributed to BP which are various numbers of implementers that give impacts on approval process besides influence of powers and conflict of interests possessed by each agency involved. Other elements that contributed to the problems during initial process of development were due to the poor coordination among agencies even though decisions were made rationally. Thus, BP is one of the variables that contribute to the measurement of the effectiveness on policy implementation. The analysis of the paper also has convinced researcher that identifying the right elements of bureaucratic politics and identifying the best methods to minimize the BP can help the government and other stakeholders to draft policies and implementing any projects more effectively then can drive and manage changes in the development of government housing projects in order to reach the goals of NHP.*

**Keywords:** *Bureaucratic Politics, National Housing Policy (NHP) & Government's Development Projects.*

---

## **Pendahuluan**

Dasar Perumahan Negara (DRN) yang dilancarkan pada 2011 diwujudkan bagi menggariskan hala tuju serta dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Matlamat DRN adalah untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti, dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Bagi mengimbangi keperluan masa kini, pihak kerajaan dan swasta memainkan peranan penting untuk memenuhi tanggungjawab sosial kepada rakyat. Pendekatan secara komprehensif dan menyeluruh diperkenalkan bagi memudahkan aksesibiliti rakyat untuk memiliki atau menyewa rumah yang disediakan oleh kerajaan (Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2015). Namun begitu, isu perumahan dan pemilikan rumah bukanlah sesuatu yang baru di negara ini dan telah banyak kajian yang dilakukan berkenaan isu pemajuan perumahan ini baik dari segi kenaikan harga rumah sehinggalah kepada isu melibatkan projek perumahan yang tergendala disebabkan gangguan semasa proses pemajuan sama ada di peringkat mendapatkan kelulusan sehinggalah kepada peringkat penyerahan selain dari kesan proses urbanisasi yang pesat menyebabkan jumlah penduduk di seluruh bandar kian meningkat dan mengakibatkan permintaan terhadap perumahan turut meningkat namun kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan tersebut.

## **Isu perumahan di Malaysia: Benarkah berlaku campurtangan politik semasa proses pemajuan projek?**

Soal campur tangan ahli politik dalam pentadbiran bukanlah perkara baru. Malah, mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini menjadi Perdana Menteri ke-7 pernah menegur ahli-ahli politik yang campur tangan dalam hal-hal pentadbiran kerana boleh menjejaskan proses pentadbiran dan pelaksanaan dasar kerajaan (Ahmad Atory, 1985). Walau bagaimanapun, hal ini terjadi di dalam sektor perumahan di Malaysia. Campur tangan politik berlaku semasa prosedur dalam proses pembangunan projek perumahan. Bagi industri hartanah, urusan yang paling bermasalah dan sukar diselesai ialah proses ubah syarat dan pecah sempadan tanah khasnya proses-proses yang terlibat selepas kebenaran merancang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang (Wan Mohd Dzulkifli, Mastura & Mohd Arif, 2013). Ini merujuk kepada karenah birokrasi yang dilakukan oleh kerajaan negeri sebagai agensi pelulus. Kerajaan negeri melengahkan proses mengakibatkan pemaju menghadapi kesukaran dan terpaksa menanggung pemajuan projek yang dirancang. Karenah birokrasi ini berlaku disebabkan wujudnya pengaruh politik di dalam proses birokrasi pentadbiran kerajaan.

Karenah birokrasi yang berpunca dari campurtangan politik semasa proses pemajuan perumahan ini dapat dilihat dari aspek kuasa. Ada antara kerajaan negeri yang menggunakan kuasa politik dalam mempengaruhi keputusan kerajaan. Sebagai contoh, kes pemajuan projek perumahan kos rendah kepada penduduk di Taman Manggis, Pulau Pinang yang mana kerajaan negeri telah mengubah status pemajuan dan memperuntukkan tanah tersebut untuk dibina unit hospital swasta bagi menggantikan projek perumahan rakyat. Di sini jelas membuktikan bahawa keputusan kepada tindakan tersebut dipengaruhi oleh kuasa politik kerajaan negeri. Selain itu, campurtangan politik semasa prosedur pemajuan projek perumahan dapat dilihat apabila ianya dipengaruhi konflik kepentingan. Ini terjadi apabila ada pihak berkuasa tempatan di bawah kerajaan negeri membenarkan pemaju membina rumah swasta atau berkos tinggi untuk mengaut keuntungan. Kerajaan negeri serta PBT ini beranggapan bahawa membina rumah berkos rendah atau sederhana agak merugikan dan disebabkan itu ada kerajaan negeri sanggup membuat syarat baru untuk menaikkan kadar pendapatan bulanan isi rumah atau pembeli sebagai syarat untuk membeli rumah.

### **Objektif**

1. Untuk menilai punca berlakunya politik birokrasi semasa pelaksanaan DRN terhadap pemajuan projek perumahan kerajaan.
2. Untuk mengenalpasti elemen politik birokrasi yang mempengaruhi pelaksanaan DRN berkaitan pemajuan projek perumahan kerajaan.

### **Sorotan Karya**

#### ***Definisi Politik birokrasi***

Dahl (1975) mendefinisi Politik sebagai satu hubungan antara sebuah organisasi atau hubungan antara individu yang melibatkan kuasa dan peraturan serta kecenderungan atau kepentingan dan berusaha memastikan kepentingan tersebut dipenuhi oleh kerajaan (Morten & Syed Serajul, 2006). Birokrasi pula seperti yang dimaksudkan oleh Weber (1947), merujuk kepada sistem pentadbiran kerajaan yakni sistem pentadbiran awam yang melibatkan pegawai-pegawai yang dilantik oleh kerajaan atau birokrat dalam melaksanakan setiap produk politik iaitu dasar atau program yang telah dirangka. Jadi, politik birokrasi bolehlah didefinisikan sebagai satu sistem

pentadbiran atau pengurusan yang melibatkan struktur serta proses yang formal yang dikawal oleh kuasa, prosedur atau hirarki yang teratur bagi memastikan kecenderungan pelaksana terhadap matlamat untuk memenuhi kehendak rakyat dapat dilaksanakan dengan jayanya dan direalisasikan (Peter & Pierre (2012); Abdul Rashid & Syed Sirajul (2006)). Politik birokrasi juga merupakan satu proses pengambilan keputusan yang melibatkan banyak aktor/ kelompok yang berkepentingan yang mana masing- masing mempunyai hasrat dan agenda untuk membangunkan strategi tersendiri melalui perundingan atau kompromi sesuai dengan tujuan yang ingin dicapai (Charles, Peter & Thompson, 1990). Selain itu, politik birokrasi merujuk kepada satu kaedah melibatkan birokrat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, keinginan serta pandangan dan memainkan peranan penting dalam pembuatan dan pelaksanaan dasar. Hasil daripada dasar tersebut biasanya diperoleh daripada interaksi dan perbincangan dari pelbagai pelaksana eksekutif berbanding daripada legislatif yang dipilih (Halperin & Morten, 1974; Bendor & Moe, 1985).

***Punca berlakunya politik birokrasi semasa pelaksanaan Dasar Perumahan Negara (DRN): Konflik antara politik dan pentadbir serta peningkatan isu berkaitan perumahan***

Ahmad Atory (1985) dalam tulisannya menyatakan bahawa kepimpinan di dalam pentadbiran awam di Malaysia terdiri daripada pegawai- pegawai kerajaan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, ketua- ketua setiausaha kementerian di peringkat kerajaan Persekutuan, setiausaha- setiausaha kerajaan negeri, ketua- ketua pengarah dan pegawai- pegawai daerah di peringkat daerah. Bagi ahli politik pula, strukturnya diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh ahli- ahli Kabinet dan ahli- ahli Parlimen termasuk wakil- wakil rakyat dari Dewan Undangan Negeri di setiap negeri. Secara teorinya, kedua- dua entiti ini memainkan peranan yang berbeza iaitu ahli politik terlibat semasa proses penggubalan dasar dalam menetapkan matlamat dasar yang ingin dicapai manakala pentadbir- pentadbir awam pula berperanan untuk melaksana dasar yang digubal oleh ahli politik agar setiap matlamat yang dirancang tercapai. Seperti di Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi, politik neutral seharusnya diamalkan oleh para pentadbir tanpa mengira parti apa yang menjadi pemerintah. Namun hal ini telah sedikit sebanyak mempengaruhi urusan pentadbiran di mana selain daripada pentadbir yang terpengaruh dengan parti politik yang mentadbir, ada antara pentadbir itu sendiri juga merupakan ahli kepada parti politik. Apabila ini berlaku, konsep kesamarataan (impersonality) pasti tidak dapat dilaksanakan. Di sinilah konflik di antara pentadbir dan politik pasti berlaku. Selain itu, cara pemikiran kerajaan juga merupakan satu masalah besar dalam melaksana dasar perumahan di Malaysia. Jeyakumar (2014) menyatakan pandangan bahawa kerajaan lebih menumpukan kepada sektor swasta sebagai pemaju yang mampu menyediakan semua perkhidmatan asas termasuk perumahan menjadi punca berlakunya konflik antara pelaksana yang terlibat. Pandangan ini boleh diterima jika dilihat kepada senario semasa perumahan apabila berlakunya spekulasi dan harga rumah yang melonjak tinggi yang dilakukan oleh pemaju atas desakan kerajaan negeri yang menawarkan harga tanah yang tinggi kepada mereka untuk memulakan pemajuan projek perumahan (Mohd Faisol & Rosila, 2016). Akibatnya, rakyat sebagai pembeli yang menjadi mangsa akibat permainan politik antara pihak kerajaan dan pihak pemaju terutama apabila melibatkan pemaju swasta.

Dasar awam digubal mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan dan undang-undang yang melibatkan ketiga- tiga peringkat kerajaan iaitu kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan (penguasa tempatan). Dari segi amalan, ketiga-tiga peringkat kerajaan ini menjalankan tugas sebagai satu sistem yang memerlukan perhubungan, kerjasama dan penyelarasan yang erat di antara satu sama lain (Sabitha, 1997:11). Walau

bagaimanapun, dalam situasi pentadbiran politik di Malaysia ketika ini, perbalahan atau konflik sering berlaku di antara ketiga-tiga peringkat kerajaan terutama apabila kerajaan negeri bertentangan dengan pentadbiran kerajaan Persekutuan. Di sini, hubungan, kerjasama mahupun penyelarasan adakalanya sukar diadakan yang akhirnya membawa kepada konflik semasa pelaksanaan sesuatu dasar. Maka, perlu untuk salah satu entiti menggunakan politik melalui pengaruh kuasa dalam menyelesaikan konflik dihadapi antara pelaksana terlibat (Ibnu Mazlan, 2016). Menurut Elyas (1974), proses pembuatan dasar di Malaysia dalam konteks politik melibatkan interaksi antara pentadbir kanan (birokrat) kerajaan dengan pembuat keputusan yakni terdiri daripada ahli-ahli politik cuma kadang-kadang ianya melibatkan sedikit atau mungkin tiada campurtangan daripada lain-lain pelaku di luar proses membuat keputusan sebagai contoh kumpulan pendesak atau badan bukan kerajaan (Ibnu Mazlan, 2016). Satu ciri penting dalam pembuatan dasar awam di Malaysia ialah penguasaan birokrat yang adakalanya memainkan peranan politik dalam membuat keputusan dasar dan ada juga ketika, elit-elit pentadbir berkongsi tanggungjawab dengan ahli politik (Ahmad Atory, 1996). Namun begitu, adakalanya peranan dan tanggungjawab yang dimainkan pentadbir serta interaksi yang berlaku dikalangan pelaksana dasar ini gagal menemui titik persetujuan seterusnya menimbulkan konflik dikalangan pelaksana dasar yang terlibat. Apabila ini berlaku sudah pasti pembuat keputusan iaitu ahli politik menggunakan pengaruh kuasa dan kepentingan mereka demi memastikan keputusan dasar dapat dimuktamad seterusnya melaksana dasar yang dirancang dengan berkesan.

Selain daripada itu, turut menyumbang kepada politik birokrasi semasa pelaksanaan dasar perumahan adalah kerana peningkatan jumlah bilangan projek perumahan yang bermasalah seperti projek terbengkalai, projek lewat, projek sakit yang berpunca daripada masalah kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemaju dari segi kegagalan pemaju dalam menyiapkan projek yang dimajukan. Apabila tiada tindakan diambil oleh pihak berwajib, maka tindakan segera perlu dilakukan bagi memastikan masalah ini dapat diselesaikan dan tindakan yang diperlukan adalah dengan cara menggunakan pengaruh individu yang mempunyai kuasa yakni merujuk kepada ahli politik serta pelaksana utama di peringkat kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri supaya membolehkan tindakan diambil ke atas pemaju yang menyumbang kepada masalah tersebut. Menurut Nor Aini (2001), pemaju terpaksa melalui sembilan hingga sebelas proses utama dalam membina dan menjual rumah di Malaysia termasuklah proses mendapatkan tanah, penyediaan pelan, penggunaan dan pembahagian tanah, mendapatkan kelulusan pelan, permit iklan, lesen pemajuan sehinggalah kepada proses agihan rumah. Ini jelas menunjukkan bahawa kerumitan yang diberikan untuk melalui setiap fasa proses tersebut menjadi punca kepada wujudnya isu perumahan yang menyebabkan kerajaan terpaksa campurtangan dalam memastikan setiap proses dilepasi tanpa perlu proses yang rigid. Selain itu, masalah yang sering diperdebatkan dan menjadi isu dalam pelaksanaan projek perumahan kerajaan ialah masalah tanah yang terhad dan saiz tanah yang tidak sesuai untuk pembangunan perumahan terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar. Masalah tanah adalah berkaitan dengan kerajaan negeri dan seperti dijelaskan sebelum ini, ada antara kerajaan negeri yang sengaja melengah atau tidak memberi kelulusan untuk guna tanah akibatnya kerajaan Persekutuan mahupun pemaju di peringkat pusat seperti SPNB terpaksa untuk masuk campur dalam urusan mendapatkan tanah walaupun terpaksa membelinya daripada kerajaan negeri. Ini bertujuan untuk mengelakkan masalah berkaitan projek perumahan terus berlaku. Di sinilah, campurtangan atau pengaruh politik berlaku yang merujuk kepada situasi politik birokrasi.

### ***Elemen politik birokrasi (PB): struktur organisasi, konflik kepentingan dan pengaruh kuasa mempengaruhi pelaksanaan DRN***

Setiap aktor yang terlibat mempunyai kepentingan sendiri untuk dipenuhi dan bagi mencapai hajat ini mereka perlu untuk mengambil kesempatan dalam setiap proses pentadbiran bermula dari penetapan agenda, pembuatan keputusan sehinggalah ke peringkat pelaksanaan. Weldes (2006) dalam penulisannya mengenalpasti tiga konsep utama politik birokrasi iaitu kepentingan, kuasa dan rasionaliti. Bagi Etzioni- Halevy (1985); Page (1985) dan 'T Hart dan Rosenthal (1991), mereka bersetuju bahawa politik birokrasi berlaku disebabkan pengaruh kuasa di dalam proses pembuatan dasar yang membawa kepada memenuhi kepentingan diri atau organisasi yang diwakili. Allison dan Halperin (1972) menilai politik birokrasi dari sudut unit asas kepada analisis iaitu melibatkan struktur serta bilangan aktor yang terlibat, konsep atau proses yang berlaku semasa pelaksanaan dan halangan yang dihadapi semasa proses dijalankan. Jelas menunjukkan bahawa politik birokrasi yang berlaku di dalam sistem pentadbiran awam dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu struktur organisasi atau jumlah aktor yang terlibat dalam kawalan agenda, agihan kepentingan dan tanggungjawab sektoral serta kuasa dan autoriti yang diberikan kepada setiap aktor, semasa proses pembuatan keputusan dan pelaksanaan berlaku.

### ***Kepelbagaian agensi pelaksana yang terlibat***

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kepada berlakunya politik birokrasi semasa pelaksanaan Dasar Perumahan Negara (DRN) ini. Faktor pertama yang membawa kepada pengaruh politik semasa pengurusan dijalankan adalah disebabkan penglibatan banyak agensi atau badan pelaksana yang terlibat di dalam sesuatu proses perbincangan sehinggalah kepada proses pembuatan keputusan. Allison dan Zelikow (1999) menyatakan bahawa semakin ramai yang terlibat di dalam proses pembuatan dasar, semakin tinggi kepelbagaian kepentingan dan perspektif yang akan mempengaruhi hasil keputusan dasar (Boin & Rhinard, 2009). Kebanyakan pentadbiran memberi ruang kepada penglibatan lebih ramai individu untuk terlibat sama dalam proses pembuatan dasar namun ada juga yang menghadkan bilangan peserta bagi memudahkan keputusan dibuat tanpa dipengaruhi dengan pendapat yang pelbagai (Rourke, 1984). Kepelbagaian agensi yang terlibat ini perlu kerana setiap daripada mereka mempunyai peranan masing- masing yang menyumbang kepada keberkesanan dan kecekapan proses melaksana. Ini disokong oleh pernyataan yang dikeluarkan oleh Rosati (2013) yang memperkenalkan empat hujah di dalam kerangka politik birokrasi yang antaranya ialah politik birokrasi melibatkan penglibatan dua atau lebih bilangan aktor yang membawa kepada interaksi terhadap konteks dan struktur dalam membuat sesebuah keputusan. Apabila sesuatu keputusan dasar diambil daripada segelintir bilangan individu yang terlibat, pasti akan mengurangkan konflik sesama pesaing. Ini kerana kebarangkalian bilangan keputusan yang ingin dicapai adalah sedikit dan memudahkan pembuat keputusan untuk menilai dan mengambil keputusan dengan lebih cepat berdasarkan bilangan alternatif yang terhad (Preston dan 't Hart, 1999). Ini adalah sesuatu yang baik dalam membantu kepada pemilihan keputusan yang lebih efektif kerana setiap keputusan dinilai dari segi baik buruknya terlebih dahulu, namun adakalanya kepelbagaian ini akan membawa kepada konflik sekiranya pemain dasar berkeras dalam memastikan idea mereka harus diterima sebagai keputusan. Kajian yang dilakukan oleh Christiansen (2006) terhadap pelaksanaan dasar di Eropah memutuskan bahawa keputusan akhir di peringkat Parlimen adalah dibuat melalui bilangan aktor yang ramai iaitu terdiri daripada dua puluh tujuh pesuruhjaya dan untuk mendapatkan persetujuan ini, proses perundangan telah diadakan diantara setiap individu terlibat baik pentadbir kerajaan mahupun

ahli politik (Christiansen, 2001). Bagi Allison dan Halperin (1972), mereka merujuk aktor yang terlibat dalam pembuatan dan pelaksanaan dasar adalah terdiri daripada pemain senior (*senior players*). Ia terdiri daripada ahli-ahli politik, pentadbir- pentadbir utama organisasi samada kerajaan atau bukan kerajaan dan organisasi yang terlibat dalam menguruskan kewangan kerana bajet adalah elemen utama dalam memastikan dasar kerajaan dapat terlaksana. Selain itu, terdapat juga pemain- pemain junior yang terdiri daripada media, kumpulan berkepentingan serta wakil- wakil awam yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam proses dasar. Namun, kerjasama yang berlaku di antara kedua pemain ini adalah berdasarkan kepada isu dan dasar yang dirangka. Perbezaan di dalam unit organisasi yang menyebabkan berlakunya pertindanan tanggungjawab dan tugas membawa kepada masalah komunikasi, koordinasi dan akhirnya mencetus kepada persaingan. Apabila pengaruh politik mempengaruhi tindakan sesebuah organisasi maka setiap aktiviti pasti dibatasi dengan kuasa ketua politik itu dan setiap keputusan atau tindakan yang ingin diambil perlu dirujuk terlebih dahulu. Ini tentu menyukarkan setiap pelaksana untuk bertindak terutama apabila berlaku konflik kepentingan sesama ketua pentadbiran bagi organisasi yang terlibat (Bendor & Hammond, 1992; Rhodes, 1994).

### ***Konflik Kepentingan dan tanggungjawab***

Semasa pemajuan sesebuah projek perumahan di Malaysia, setiap proses akan melibatkan bilangan agensi pelaksana yang banyak di mana mereka akan menggunakan kuasa masing-masing untuk membuat penilaian seterusnya memberikan justifikasi ke atas sesuatu keputusan yang akan dibuat. Kebiasaannya, apabila melibatkan kuasa, maka sudah pasti berlakunya konflik kepentingan antara setiap agensi atau pelaksana terbabit. Semasa pelaksanaan dasar perumahan ini, konflik yang berlaku biasanya melibatkan pemaju dengan kerajaan juga kadang kala melibatkan perbalahan antara kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri mahupun PBT itu sendiri. Salah satu cabaran utama dalam organisasi birokrat adalah bagi memastikan kesepaduan dalam pentadbiran (Kaufman, 1960). Masalah dasar yang kompleks biasanya berlaku di dalam bidang kuasa organisasi tersebut (Pressman & Wildavsky, 1984; Peters, 2001). Di dalam politik birokrasi, setiap keputusan adalah berdasarkan kepada kepentingan aktor yang terlibat yakni berusaha memastikan matlamat dan harapan mereka dapat dipenuhi. Oleh yang demikian sekiranya mereka diberikan tanggungjawab, pasti mereka berusaha agar kepentingan mereka diterima dan diambil sebagai keputusan kerajaan. Politik birokrasi memberi fokus kepada analisis politik plural juga terhadap konflik kepentingan (Kaarbo, Juliet & Deborah, 1998). Kepentingan di sini merujuk kepada kepentingan nasional, kepentingan organisasi, kepentingan domestik mahupun kepentingan individu (Allison, 1971) ataupun kepentingan dari sudut kedudukan pemain dalam organisasi iaitu merujuk kepada Peraturan Miles 'pendirian yang dibawa, tertakluk kepada kedudukan di dalam pentadbiran (*where you stand (on a policy issue) depends upon where you sit (in the bureaucracy)*' (Kozak, 1988). Kecenderungan atau minat ini biasanya dipengaruhi oleh kepentingan dan persepsi terhadap kedudukan yang sedang dikecapi. Allison (1971) bersetuju bahawa 'untuk memotivasikan ahli di dalam organisasi, pemain utama harus sensitif terhadap kehendak organisasi itu sendiri'. Weldes (1998) menyatakan bahawa manusia akan bertindak balas terhadap sesuatu objek termasuk orang sekeliling sekiranya objek tersebut akan memberi manfaat kepada mereka. Memenuhi kepentingan individu atau organisasi dalam politik birokrasi adalah berhubung kait dengan objek, subjek dan situasi yang dihadapi dan adakalanya akan berubah mengikut kepada peraturan atau keadaan semasa.

### ***Kuasa Neutral vs kuasa Politik***

Dalam usaha memastikan pekhidmatan yang berkesan sampai dan diterima oleh rakyat, persaingan merupakan asas di dalam politik birokrasi. Persaingan wujud apabila adanya kuasa di mana masing-masing berusaha untuk menggunakan kuasa demi untuk mencari pengaruh yang mampu bekerjasama dalam memenuhi kepentingan sendiri dan mencapai matlamat yang diidamkan. Terdapat dua sumber asas kuasa iaitu kuasa kepakaran (*expertise*) dan sokongan pemilih (*constituency support*) yang digunakan dalam melaksana proses dasar (Rourke, 1984). Kepakaran adalah asas dalam sesebuah pentadbiran di mana setiap kemahiran yang diperolehi individu ini digunakan secara optimum dalam memastikan setiap hasrat pelaksanaan dapat dicapai dengan efektif. Kuasa bagi sokongan pemilih pula merujuk kepada pengaruh dalam pengurusan unit-unit lain samada unit di peringkat dalaman mahupun luar organisasi iaitu unit kerajaan atau swasta, yang mana kesemua unit ini biasanya terlibat dalam proses pelaksanaan dasar (Rourke, 1984). Kebiasaannya proses penetapan agenda dan pembuatan keputusan dilakukan oleh kerajaan namun dari segi pelaksanaan adakalanya melibatkan pihak ketiga justeru penting bagi agensi kerajaan terlibat berkuasa dalam mempengaruhi kawalan agenda bagi memastikan setiap objektif dasar dapat dicapai. Pihak ketiga yang dimaksudkan di sini ialah parti atau ahli politik, kumpulan berkepentingan atau badan bukan kerajaan yang terlibat serta terkesan secara langsung dalam proses dasar kerajaan selain daripada pelaksana-pelaksana dasar yang lain. Pentadbir memelihara kuasa melalui persaingan dengan cara mengawal setiap keputusan dan sentiasa bersuara di dalam proses dasar (Moe, 1989). Peters (2001) turut bersetuju bahawa dalam sistem pentadbiran pusat, kuasa politik boleh digunakan dalam mengawal kesepaduan sumber (Rhinard & Boin, 2009). Ini dapat mengurangkan konflik dikalangan ahli birokrat kerana sekiranya konflik ini berlanjutan maka akan memberi kesan kepada keputusan yang tidak berkualiti dan gagal memenuhi keperluan rakyat. Secara realiti, struktur kerajaan yang berbeza mempunyai bidang kuasa yang berbeza (Peters, 2001). Ianya dibentuk bertujuan mengagihkan kuasa agar setiap perkara dan keputusan boleh diambil berdasarkan ruang lingkup yang telah dimaktubkan seterusnya mampu melicinkan urusan pentadbiran kerajaan dan segala permasalahan rakyat dapat diselesaikan dengan segera. Namun, kesukaran biasa berlaku apabila memerlukan pertembungan kuasa di antara peringkat kerajaan yang akhirnya apabila tiada titik persetujuan dicapai maka implikasi berlaku terhadap keputusan yang bakal diambil. Inilah masalah yang sering dihadapi apabila politik mempengaruhi dalam pentadbiran kerajaan (Smith, 1983; Kozak, 1988). Mereka menggunakan kuasa dan keutamaan dasar sebagai instrumen bagi memenuhi cita-cita tersendiri. Usul yang dicadangkan oleh Rosati (1981) yang mana tiada seorang pun individual atau organisasi yang terlibat, menjadi dominan terhadap segala keputusan yang dibuat. Di dalam pespektif politik birokrasi, Presiden atau Perdana Menteri tidak mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan berkaitan pelaksanaan sesuatu dasar. Ini kerana, walaupun sesuatu keputusan telah dibuat, namun ia pastinya tidak dianggap muktamad kerana keputusan tersebut mungkin perlu dinilai semula atau diubah mengikut kepada keadaan atau keperluan semasa (Allison, 1971; Halperin, 1974). Persoalan berkaitan kuasa turut ditanya oleh Rhodes (1994) dalam kajiannya di mana beliau berpendapat, kebolehan pemain dasar dalam mempertahankan dan mempengaruhi minat atau kepentingannya sangat reflek terhadap kuasa. Kuasa dalam konteks ini merujuk kepada fungsi kuasa yang bersangkutan dengan kedudukan, kebolehan pemain dasar dalam mengeksploitasi kedudukan sumber serta reputasi pemain itu sendiri dalam melaksana tanggungjawab yang diberi Allison, 1971; Halperin, 1974).



## **Politik Birokrasi: Rasionalisasi dalam pembuatan keputusan serta tahap penyelarasan antara agensi dalam memajukan projek perumahan kerajaan.**

### ***Adakah keputusan di buat secara rasional apabila wujudnya politik birokrasi?***

Welch (1992) menyatakan bahawa politik birokrasi bersifat 'event-centric'. Menurut Allison & Halperin (1972) permainan politik birokrasi bermula apabila pelaksanaan sesuatu agenda itu bermula samada dilaksana kerana hampir kepada tempoh tamatnya (perbelanjaan bajet tahunan) atau melibatkan pelaksanaan program dan projek yang telah dirancang. Fokus pelaksanaan ini membawa juga kepada fokus pemilihan agenda mahupun program dan projek itu tadi. Pemilihan ini secara tidak langsung merujuk kepada jangkaan rasional yang dilakukan oleh pembuat keputusan dan pelaksana dasar (Weldes, 1998). Tiada teori tingkahlaku yang menyatakan bahawa setiap pilihan yang dibuat adalah sebagai memenuhi niat semata-mata sebaliknya setiap keputusan yang diambil adalah berdasarkan kepada rasionalisasinya terhadap keupayaan dalam mencapai matlamat yang disasarkan. Oleh yang demikian, selain Allison (1971), ramai yang bersetuju bahawa kaedah rasionalis diperlukan dalam membuat keputusan dasar terutama apabila melibatkan kepentingan dan kuasa yang berbeza-beza. Di sini, pelaksana dasar memilih opsi yang terbaik, mengambil kira setiap halangan yang bakal dihadapi dengan memastikan kepentingan dan situasi dikenalpasti terlebih dahulu. Keputusan rasional yang diambil mampu untuk mengawal suasana politik birokrasi dalam pentadbiran. Keputusan yang rasional diperoleh hasil daripada proses perbincangan, penawaran dan kompromi antara mereka yang terlibat. Rosati (1981) menyatakan bahawa setiap hasil keputusan dianggap sebagai produk politik dimana melibatkan perbincangan pelbagai pihak dalam mencapai keputusan yang rasional itu tadi. Ini kerana, segala tindakan dipengaruhi dengan prosedur operasi standard dan kecenderungan para pelaksana (Allison & Halperin, 1974). Sekiranya terdapat kekurangan dalam prosedur tersebut, maka kaedah yang terbaik dalam menetapkan keputusan adalah dengan cara mengenalpasti rasional keputusan yang bakal diambil terhadap kumpulan sasaran. Ini yang diterangkan oleh Rhodes (1994) mengenai saluran tindakan (action channels). Struktur ini terbentuk dengan cara memilih pemain dasar utama, mengenalpasti faktor yang mempengaruhi individu untuk terlibat sama dalam permainan dasar dan seterusnya mengenalpasti sebab dan akibat apabila telah turut sama dalam permainan dasar tersebut. Ini juga merupakan pendekatan yang boleh diambil dalam membuat keputusan secara rasional (Allison, 1971; Krasner, 1972; Art, 1973). Bendor & Hammond (1992) dalam menilai semula Model Allison menyatakan bahawa sifat rasional perlu ada pada setiap pembuat keputusan. Namun dalam memastikan setiap keputusan yang diambil itu benar-benar rasional, perlulah digarap dengan informasi serta maklumat yang lengkap kerana dapat membantu pembuat keputusan memperoleh input yang optimum dalam memastikan keputusan yang diambil tepat dan mendatangkan faedah kepada rakyat.

### ***Tahap penyelarasan dan kerjasama***

Masalah-masalah yang melibatkan rakyat, sukar untuk diselesaikan oleh satu-satu agensi atau organisasi sahaja dan memerlukan kerjasama dari pelbagai agensi. Perbincangan serta kerjasama antara semua pihak ini akan membantu kerajaan bagi memastikan rakyat mendapat apa yang dikehendaki dan dalam masa yang sama menjaga reputasi syarikat yang terbabit tanpa merugikan mana-mana pihak. Apabila sesuatu pelaksanaan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak, maka pastinya SOP yang dibincangkan sangat diperlukan agar penetapan kepada sesuatu keputusan untuk pelaksanaan dapat digunapakai oleh setiap agensi yang terlibat. Ini akan memberi kelancaran kepada proses pelaksanaan. O'Toole (2003) menyatakan bahawa,

asas kepada kerjasama antara organisasi dapat dilihat dari segi keperluan sumber juga capaian matlamat yang sama antara kesemua organisasi. Ini disokong oleh Smith, Carroll dan Ashford (1995) dan mereka juga beranggapan bahawa selain sumber dan matlamat yang sama, tahap kepercayaan antara sesama agensi juga membantu dalam membentuk satu kerjasama yang berjaya. Kejayaan pelaksanaan sesuatu dasar juga dapat dilihat apabila adanya penglibatan dari pelbagai agensi dan kumpulan yang bekerjasama dalam memastikan objektif dasar tersebut tercapai dan ini melibatkan satu tugas yang berat kerana melibatkan multi-aktor dan adalah sukar dalam memastikan kumpulan yang ramai ini dapat bertindak dengan efektif dan kreatif serta mampu mencari solusi yang fleksibel dalam menghadapi segala cabaran. Wood dan Waterman (1991) berpendapat, dalam pemajuan pembangunan luar bandar, adalah penting agar diwujudkan satu jaringan menegak (koordinasi) antara organisasi tempatan dengan agensi di peringkat tertinggi iaitu kerajaan pusat. Miriam, Julia & Christian (2012) mendefinisi koordinasi kepada tiga aktiviti utama iaitu perkongsian maklumat (*information sharing*), perkongsian sumber (*resource sharing*), dan tindakan bersama (*joint action*). Namun, bagi memastikan koordinasi ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, mereka yang terlibat haruslah terlebih dahulu mengenalpasti tiga masalah yang sering dihadapi oleh inter-organisasi iaitu ancaman kepada kuasa, tiada persetujuan terhadap tugas yang diberi serta konflik yang dihadapi sama ada dalam bentuk menegak mahupun melintang (Miriam, Julia & Christian, 2012). Jadi dapatlah disimpulkan bahawa koordinasi antara ketiga jaringan yang dibincangkan merupakan mekanisme terbaik dalam sesuatu pelaksanaan dasar berbanding hanya menyerahkan kuasa semata-mata kepada institusi pelaksana yang dipilih. Justeru, bagi memastikan penyampaian dapat dilakukan dengan berkesan, fokus harus diberikan terhadap aktiviti penyelarasan dan jika perlu, insentif juga boleh diberikan sebagai usaha untuk memastikan kerjasama dan kolaborasi ini boleh diteruskan bagi memastikan dasar dapat dilaksanakan sehingga ke akhirnya.


## **Analisa**

### ***Politik birokrasi: Realiti atau persepsi?***

Mengulas senario sektor hartanah tempatan khususnya perumahan yang berlaku ketika ini membuktikan bahawa isu yang berlaku tidak pernah berkesudahan. Samada dari segi spekulasi atau manipulasi harga hartanah khususnya rumah kos rendah dan rumah mampu milik sehinggalah kepada peranan pemaju dalam membangunkan unit rumah mengikut kepada kesesuaian dan permintaan. Ini kerana, kebanyakkan pemaju lebih tertarik untuk membina rumah berkos tinggi demi mencapai keuntungan yang maksimum. Ini sudah pasti memberi kesan secara langsung kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana yang mana dilaporkan masih ramai tidak memiliki rumah sendiri. Pelaksanaan Dasar Perumahan Negara yang bermatlamat untuk menyediakan rumah yang berkualiti, selesa, mencukupi dan mampu dimiliki adalah bertitik tolak daripada projek pemajuan perumahan yang berkesan. Walau bagaimanapun, kerakusan pemaju untuk mendapatkan keuntungan berganda dalam memajukan projek perumahan tidak boleh dilihat sebagai penyumbang utama masalah perumahan kerana isu perumahan yang berlaku kadangkala berpunca dari sikap agensi kerajaan itu sendiri semasa memberikan kelulusan kepada pemajuan projek perumahan untuk dimulakan yang melibatkan karenah politik birokrasi berlaku. Di Malaysia, terdapat kira-kira dua belas proses yang terlibat dalam pembangunan projek perumahan. Proses bermula dengan permohonan ubah syarat dan pecah sempadan tanah, permohonan kebenaran merancang, permohonan kelulusan pelan bangunan, permohonan lesen pemaju perumahan, permohonan permit iklan dan jualan sehingga kepada pemasaran dan penyerahan unit rumah kepada pembeli. Setiap proses kebiasaannya melibatkan agensi yang pelbagai mengikut kepada bidang kuasa serta kepakaran masing-

masing. Apabila lebih daripada satu unit atau agensi yang terlibat, sudah pasti unsur tingkah laku agensi terlibat, pelaksana yang akan melaksana setiap tugas yang diberikan dan struktur pengurusan agensi terbabit akan mempengaruhi setiap proses dalam pemajuan projek ini yang akhirnya memberi kesan kepada *output* dan *outcome* dasar perumahan yang telah dirangka. Sebagai contoh, semasa proses permohonan ubah syarat dan pecah tanah sempadan yang memerlukan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat Tanah dan Jajahan. Adakalanya situasi politik birokrasi berlaku sekiranya pihak berkuasa negeri tidak meluluskan permohonan tersebut terutama melibatkan projek dari pihak kerajaan Persekutuan yang mana bertentangan kuasa pentadbirannya. Seperti yang berlaku di Pulau Pinang sebagai contoh apabila pihak berkuasa negeri menolak permohonan PR1MA untuk mengubah syarat tanah bagi pemajuan projek perumahan. Ini membuktikan bahawa pengaruh kuasa serta konflik kepentingan mempengaruhi dalam memberikan keputusan kepada sesuatu permohonan itu. Setiap unsur tersebut dipengaruhi dengan elemen politik birokrasi seperti dibincangkan sebelum ini iaitu melibatkan agensi yang pelbagai dengan setiap agensi tersebut dipengaruhi kuasa tersendiri yang membawa kepada wujudnya konflik kepentingan semasa proses pelaksanaan dijalankan. Namun, kepelbagaian pelaksana menyumbang kepada pembuatan keputusan yang rasional apabila adanya tahap penyelarasan yang berkesan dilakukan. Setiap elemen ini dapat dilihat dalam prosedur pemajuan perumahan di Malaysia. Selain daripada itu, tingkah laku agensi yang terlibat termasuk pelaksana dan struktur pengurusan yang mempengaruhi pelaksanaan Dasar Perumahan Negara turut melibatkan elemen politik birokrasi yang lain iaitu pengaruh kuasa dan konflik kepentingan. Seperti yang dinyatakan di dalam buku Panduan Prosedur dan Proses Cadangan Pemajuan yang dikeluarkan oleh KPKT (Aisyah Ismail, 2015), beberapa isu dan masalah telah dikenalpasti dalam pelaksanaan prosedur pengawalan perancangan bandar dan desa di Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang antaranya menyatakan bahawa proses untuk kelulusan permohonan pembangunan tanah di negara ini melibatkan pelbagai jabatan/ agensi teknikal baik di peringkat Persekutuan mahupun Negeri. Mengikut kepada amalan semasa, terdapat kekurangan dan perbezaan dari segi prosedur dan proses permohonan pembangunan tanah sama ada di peringkat Negeri mahupun PBT. Ada diantara negeri- negeri ini yang mengkehendakan permohonan terlebih dahulu perlu mendapatkan kelulusan dasar di peringkat negeri sebelum di bawa ke peringkat penilaian dan ulasan di peringkat PBT. Selain itu, ada juga negeri yang mensyaratkan agar setiap permohonan perlu diproses dan dipertimbangkan di peringkat negeri dan PBT hanya membuat perakuan kelulusan sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa di peringkat PBT dan Negeri juga adakalanya berlaku konflik dalam mempengaruhi kuasa dan kepentingan masing- masing yang seperti terdapat di dalam elemen politik birokrasi. Beginilah senario yang dihadapi sektor pemajuan perumahan seperti yang dinyatakan di dalam model Pelaksanaan Dasar Perumahan di Malaysia di mana semasa proses pelaksanaan, segala tingkah laku agensi yang terlibat termasuklah pelaksana dan struktur pengurusan agensi dalam melaksana setiap proses dan prosedur pemajuan dipengaruhi oleh elemen politik birokrasi seperti dibincangkan sebelum ini. Apabila ini berlaku, maka *output* dasar yakni projek- projek pemajuan yang dijalankan sama ada daripada pemaju kerajaan atau swasta pasti akan menghadapi masalah seterusnya akan merencatkan hasrat kerajaan untuk mencapai *outcome* dasar iaitu untuk menyediakan rumah yang mencukupi, selesa serta mampu dimiliki. Benar, politik birokrasi bukanlah sesuatu yang baru dalam sistem pentadbiran urusan kerajaan. Sama ada dapat dilihat dengan jelas atau mampu diselindung oleh individu atau organisasi berkaitan namun tetap menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Justeru, adalah penting bagi pentadbir ataupun birokrat untuk mengenalpasti situasi dihadapi dan sekiranya ia dipengaruhi dengan elemen politik birokrasi maka perlu untuk diminimumkan hal- hal atau isu yang terjadi dengan cara perbincangan antara pihak berkepentingan ataupun jika perlu maka tindakan agresif perlu dilakukan oleh pihak yang

berkuasa demi memastikan perjalanan projek pemajuan perumahan dapat dilaksanakan tanpa diganggu gugat oleh mana- mana elemen luar yang akhirnya memberi impak yang negatif bukan sahaja kepada kerajaan, pemaju malah kepada pembeli itu sendiri yang secara tidak langsung akan menjejaskan sosio-ekonomi negara.



**Kerangka konsep bagi elemen yang menyumbang kepada politik birokrasi**

## Rujukan

- Abdul Rashid Morten & Syed Sirajul. (2006). *Introduction to Political Science*. Malaysia: Thomson Learning
- Ahmad Atory Hussain. (1985). *Campur tangan Politik Dalam Pentadbiran Perlu Untuk Pembangunan*. Utusan Malaysia.
- Ahmad Atory Hussain, (1996). *Reformasi pentadbiran awam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Allison, Graham T. (1971). *The Essence of Decisions: Explaining the Cuban Missile Crisis*. Boston: Little, Brown.
- Allison, Graham T., & Morton Halperin. (1972). *Bureaucratic Politics: A Paradigm and Some Policy Implications*. In Raymond Tanter and Richard H Ullman, eds., *Theory and Policy in International Relations*. Princeton: Princeton University Press.
- Allison, G. & Zelikow, P. (1999). *Essence of Decision: Explaining the Cuban Missile Crisis* (2nd edition). Longman.
- Art, Robert. (1973). *Bureaucratic Politics and American Foreign Policy: A Critique*. *Policy Sciences* 4:467-490
- Bendor Jonathan & Terry M. Moe. (1985). *An adaptive Model of Bureaucratic Politics*. Article in *The American Political Science Review*, Vol. 79, No. 3, pp. 755-774.
- Bendor, Jonathan and Thomas Hammond. (1992). *Rethinking Allison's Models*. *American Political Science Review* 86:301-322.
- Boin, R.A. and Rhinard, M. (2009). "Managing Transboundary Crises: What Role for the European Union?" *International Studies Review* 10(1):1-26
- Charles, H.L, Peters, B.G. & Thompson, F.J. (1990). *Public Administration: Challenges, Choices & Consequences*. Scott Foresman & Co.
- Carpenter, Daniel P., and George A. Krause. (2012). *Reputation and public administration*. *Public Administration Review* 72:26-32
- Christiansen, T. (2001). *The European Commission: Administration in Turbulent Times*. *European Union: Power and Policy-Making*. J. Richardson (ed.). London, Routledge: 77-95.

- Christiansen, T. (2006). *The European Commission: the European Executive Between Continuity and Change. European Union Power and Policy- Making.* J. Richardson (ed.). London, Routledge: 99-117
- Dahl, Robert A. (1975). *Modern Political Analysis*, p.6
- Etzioni- Halevy, E. (1985). *Bureaucracy & Democracy: A Political Dilemma.* Routledge Kegan Paul.
- Halperin, Morten H. (1974). *Bureaucratic Politics and Foreign Policy.* Washington, D. C.: Brookings.
- Haradian Shah Hamdan. (2016). *Bantu Pemaju Kurangkan Kos Projek Perumahan.* Utusan Melayu (M) Bhd.
- Kaarbo, Juliet & Deborah Gruenfeld. (1998). *The Social Psychology of Inter-and Intragroup conflict in Governmental Politics.* *Mershon International Studies Review* 42:226-233.
- Kaufman, Herbert. (1960). *The forest ranger.* Baltimore, MD: Johns Hopkins Press
- Kozak, D. C. (1988). *The Bureaucratic Politics Approach: The evolution of the Paradigm.* Boulder, Colo., Lynne Rienner, 1988, p.13.
- Krasner, Stephen D. (1972). *Are Bureaucracies Important? (Or Allison Wonderland).* *Foreign Policy*, 7: 159-179.
- Mark Rhinard & Arjen Boin. (2009). *European Homeland Security: Bureaucratic Politics and Policymaking in the EU.* Article in *Journal of Homeland Security and Emergency Management* -January 200
- M. Weber. (1947). *The Theory of Social and Economic Organizations.* New York: Free Press
- Miriam Hartlapp, Julia Metz and Christian Rauh. (2012). *Linking Agenda Setting to Coordination Structures: Bureaucratic Politics Inside the European Commission.* *Journal of European Integration* 35(4):425:441
- O'Toole, Laurence, Jr. (1986). *Policy Recommendations for Multi- Actor Implementation: An Assessment of the Field.* *Journal of Public Policy* 6: 2: 181-210.
- NorAini Yusof. (2001). *Perlakuan Pemaju Swasta Apabila Berhadapan Dengan Dasar Perumahan Kos Rendah Di Malaysia*
- Page, E. C & Wuters, L. (1994). *Bureaucratic Politics and Political Leadership in Brussels.* *Public Administration*, Vol. 72, No.3, 445-459.
- Peters, B. G. & Pierre (2001). *The Politics of Bureaucracy.* London, Routledge.
- Pressman, J. L. and Wildavsky, A. (1984). *Implementation: How Great Expectations in Washington are Dashed in Oakland.* Berkeley, University of California Press.
- Preston, T. and 't Hart, P. (1999). "Understanding and Evaluating Bureaucratic Politics: The Nexus Between Political Leaders and Advisory Systems." *Political Psychology* 20(1): 49-98.
- Raymond Tanter and Richard H. Ullman. (1972). *Theory and Policy in International Relations.* Princeton: N.J.
- Rhodes, Edwards. (1994). *Do Bureaucratic Politics Matter? Some Disconfirming Findings from the U.S. Navy.* *World Politics* 47:1-41.
- Rosati, Jerel. (1981). *Developing a Systematic Decision- making Perspective: Bureaucratic Politics in Perspective.* *World Politics* 33:234-252.
- Rosenthal, U., 't Hart, P. and Kouzmin, A. (1991). "The Bureau-politics of Crisis Management." *Public Administration* 69: 211-33.
- Rourke, Francie E. (1984). *Bureaucracy, Politics and Public Policy.* New York: Harper Collins (3<sup>rd</sup> editions)
- Smith, B. Thomas. (1983). *The policy implementation process.* *Policy Sciences*, 4(2): 197-209.
- Smith, Ken. G., Stephen J. Carroll, & Susan J. Ashforf. (1995). *Intra- and interorganizational cooperation: Toward a research agenda.* *Academy of Management Journal* 38:7-23.

- Welch, Davis. (1992). The Organizational Process and Bureaucratic Politics Paradigms: Retrospect and Prospect. *International Security* 17:118-146.
- Weldes, J. (2006). Bureaucratic Politics: A critical Constructive Assessment in Mershon *International Studies Review*, Vol. 42, No. 2, pp. 216-225.
- Wood, B.D. and Waterman, R.W. (1991). The Dynamic of Policy Control of the Bureaucracy. *American Political Sciences Review*, 85:801-828
- Yazit Razali. (2016). Projek Perumahan Generasi Baharu Felda. Laporan EPU